



DR. Mahathir Mohamad bersama Khalid Yunus bergambar bersama (dari kiri) Ahmad Fakhri Abu Samah, Mohd. Fauzan Hassan, Marina Ahmad, Mohd. Rafi Kori, Idris Said dan Ahmad Reduan Rozali di majlis meraikan Wira-Wira Negara Ekspedisi Merdeka de' Everest di Putrajaya, semalam.

— Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

Ekspedisi Everest pencetus inspirasi rakyat — Dr.M

Um - 9/6/2007.

PUTRAJAYA 8 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu kejayaan Ekspedisi Merdeka de' Everest 2007 menawan puncak Gunung Everest pada 21 Mei lalu dijadikan inspirasi untuk rakyat negara ini terus berani menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang.

Bekas Perdana Menteri berkata, kejayaan itu perlu dijadikan teladan kepada generasi muda kerana ekspedisi tersebut tidak akan berhasil tanpa semangat keberanian, disiplin yang tinggi dan latihan bertepatan oleh para pendaki berkenaan.

"Kita tidak boleh sampai ke puncak Everest hanya dengan berdoa sahaja, walaupun doa itu penting. Ia mesti dimulakan dengan latihan, disiplin, dapat mengawal diri dan tidak mencari jalan mudah

untuk berjaya.

"Ketika kumpulan ekspedisi itu berjumpa saya dulu, saya yakin ada beberapa orang yang akan berjaya sampai ke puncak tetapi tidak sangka rupa-rupanya sebanyak enam orang berjaya," katanya ketika berucap pada majlis meraikan kejayaan ekspedisi Merdeka de' Everest 2007 di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir merupakan penaung kepada ekspedisi tersebut yang diadakan sempena ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50 pada 31 Ogos ini.

Hadir sama ialah Presiden Persatuan Kembara, Datuk Khalid Yunus yang juga ketua pasukan Merdeka de' Everest 2007 dan enam peserta ekspedisi iaitu jurukamera Radio dan Televisyen Malaysia

(RTM), Idris Said, 51; Ahmad Reduan Rozali, 25; Ahmad Fakhri Abu Samah, 25; penolong penerbit RTM, Marina Ahmad, 26; Mohd. Rofi Kori, 35 dan Ketua Pendaki Everest 2004, Muhammad Fauzan Hassan, 39.

Khalid bagaimanapun gagal menawan puncak tertinggi di dunia itu kerana mengalami masalah 'mabuk gunung' ketika perjalanan dari Kem 3 ke Kem 4 pada paras ketinggian 7,200 meter.

Kepulangan mereka ke tanah air semalam disambut oleh Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Dr. Mahathir yang bangga dengan kejayaan ekspedisi itu turut berkongsi rasa

gembira kerana pendaki wanita dalam ekspedisi itu, Marina muncul sebagai wanita pertama dari Malaysia berjaya menawan puncak Gunung Everest.

Marina berasal dari Pendang, Kedah.

"Ia (Pendang) adalah salah satu kawasan dalam Parlimen Kota Setar yang pernah saya wakili dulu," katanya.

Beliau berharap kejayaan itu akan menjadi dorongan kepada rakyat negara ini untuk mendaki gunung berkenaan dan menghadapi apa juga cabaran pada masa depan.

"Ini kerana orang yang hanya duduk menanti semua datang bergolek kepada diri mereka akhirnya akan kecewa dan tidak akan mencapai kejayaan," kata Dr. Mahathir.